

# Sekatan kemasukan ke Malaysia

Malaysia sekat pemegang pas lawatan jangka panjang dari 23 buah negara

Turut disenaraikan ialah Iran, United Kingdom, Bangladesh, Arab Saudi, Pakistan, Perancis, Turki, Itali, Jerman, Iraq, Filipina dan Indonesia.

Pada Selasa lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan sekatan kemasukan pemegang pas lawatan jangka panjang dari India, Indonesia dan Filipina ke Malaysia bermula semalam berikutan peningkatan mendadak kes positif Covid-19 di negara berkenaan.

Sekatan itu merangkumi enam kategori iaitu mereka berstatus pemastautin tetap (PR), Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H), ekspatriat terma-

suk pemegang pas lawatan profesional (PVP) dan pemegang pas residen.

Turut disekat ialah pasangan kepada warganegara Malaysia dan anak-anak mereka serta pelajar dari ketiga-tiga negara berkenaan yang ingin kembali ke Malaysia.

Dua hari selepas itu, Ismail Sabri mengumumkan keputusan kerajaan untuk menyekat kemasukan pemegang pas lawatan jangka panjang dari negara yang mencatatkan kes positif Covid-19 melebihi 150,000.

Beliau berkata, pengecualian hanya diberikan bagi kes kecemasan atau urusan berkaitan hubungan dua negara, namun ia perlu mendapat kebenaran Jabatan Imigresen. - Bernama

**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA** **PERANGI COVID-19**

**SEKATAN KEMASUKAN KE MALAYSIA KEPADA PEMEGANG PAS LAWATAN JANGKA PANJANG BAGI NEGARA - NEGARA YANG MENCATATKAN KES POSITIF COVID-19 MELEBIHI 150,000 KES BERKUATKUASA 7 SEPTEMBER 2020**

**NEGARA - NEGARA TERLIBAT**

Amerika Syarikat	Sepanyol	Perancis
Brazil	Argentina	Turki
India	Chile	Itali
Rusia	Iran	Jerman
Peru	United Kingdom	Iraq
Colombia	Bangladesh	Filipina
Afrika Selatan	Arab Saudi	Indonesia
Mexico	Pakistan	

Maklumat adalah tepat pada waktu diterbitkan. Diterbitkan: 5:00 PM | 4 September 2020

Dianjurkan oleh: Unit Kawadkod Kemajuan, Jabatan Imigresen Malaysia, 88, Pasir, Petaling Jaya

**K**erajaan tidak membenarkan pemegang pas lawatan jangka panjang dari 23 negara yang mencatatkan kes positif coronavirus (Covid-19) melebihi 150,000 untuk masuk ke Malaysia berkuat kuasa semalam.

Menurut senarai yang dikeluarkan Jabatan Imigresen dalam hantaran di laman Facebook rasminya, negara berkenaan ialah Amerika Syarikat, Brazil, India, Rusia, Peru, Colombia, Afrika Selatan, Mexico, Sepanyol, Argentina dan Chile.

**PUTRAJAYA**



Senarai 23 buah negara yang rakyatnya tidak dibenarkan masuk ke Malaysia berkuat kuasa semalam.

14 TAHUN #KEKALNEUTRAL